

Jangan buat spekulasi bakal TPM

5 JUL 2007

KUALA LUMPUR 4 Julai — Rakyat diminta tidak membuat sebarang spekulasi terhadap pemimpin tertentu sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri kerana ia akan merosakkan negara dan masa depan politik pemimpin itu sendiri.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata:

“Saya rasa Datuk Seri Najib Tun Razak (yang disebut untuk jawatan itu) sendiri pun tidak mahu dispekulasi kerana ia hanya menyusahkan dirinya sendiri, orang yang tidak nak kepada Najib nanti akan berusaha menjatuhkannya dia.”

Menurut beliau, Perdana Menteri telah mengingatkan bahawa kadang kala bukan pemimpin yang ghairah untuk merebut jawatan tetapi penyokong-penyokong mereka.

“Oleh itu tuan badan itu perlu mententeramkan keadaan dan penyokongnya dengan mengutamakan kepentingan parti dan negara,” tegas Rafidah selepas Majlis Penyampaian Hadiah Sastera 2001 Kumpulan Utusan di sini hari ini.

Rafidah mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyebut Datuk Seri Najib Tun Razak berkemungkinan sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila Datuk Seri Abdullah Ah-

mad Badawi dilantik Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa berucap di majlis perjumpaan dengan Jawatankuasa UMNO Bahagian Kubang Pasu di Putrajaya semalam dipetik sebagai berkata:

“Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Abdullah) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan lagi untuk mendapatkan jawatan itu.”

Bakal

Mengulas lanjut, Rafidah yang juga Ketua Pergerakan Wanita UMNO berkata, yang jelas Abdullah adalah bakal Perdana Menteri apabila Dr. Mahathir meletakkan jawatan.

“Yang nombor dua itu, Abdullah mempunyai kuasa 100 peratus dan Tuhan akan gerakkan hati dia siapa yang dia hendak pilih.

“Jangan buat spekulasi, itu ialah pilihan Abdullah,” katanya sambil menambah bahawa Dr. Mahathir telah menentukan supaya penyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri dipilih oleh Abdullah.

Beliau menyatakan sebarang usaha untuk mempromosikan Najib atau sesiapa sahaja akan merosakkan pemimpin itu dan akhirnya parti serta negara.